

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan.
 2. Pasukan duduk dalam bulatan.
 3. Guru akan menyediakan beberapa situasi dan dibahagikan kepada setiap kumpulan.
 4. Ahli kumpulan perlu membincangkan jawapan untuk menyelesaikan masalah.
 5. Apabila sudah mendapat satu penyelesaian, murid berdiri bahu ke bahu untuk menunjukkan persetujuan.
 6. Bila loceng dibunyikan, kumpulan dipanggil bergerak ke stesen seterusnya untuk soalan yang baharu.
 7. Situasi yang boleh dibincangkan seperti berikut: SP 11.5 TP 6

Situasi 1

Semasa mengulang kaji pelajaran, kamu mendapati satu soalan Matematik sukar difahami. Apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

Situasi 2

Meja dan kerusi di kelas tidak tersusun sebelum guru memulakan kelas. Apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

Situasi 3

Kamu ingin memastikan semua topik yang diajar minggu ini difahami. Apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

Situasi 4

Kamu mahu meningkatkan kemahiran bermain bola jaring sebelum pertandingan sekolah. Apakah tindakan yang patut kamu lakukan?